

**Terma dan Syarat  
Kempen Perlindungan Isi Rumah AmBank untuk Pelanggan Senarai Gaji  
AmBank @Work**

**1. Definisi**

Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

“Bank” bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 8515-D) syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“Kumpulan AmBank” bermaksud semua syarikat dan syarikat bersekutu yang berkaitan dengan Bank, sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam Terma dan Syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“Kempen” bermaksud Kempen **Perlindungan Isi Rumah AmBank untuk Pelanggan Senarai Gaji AmBank @Work** yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“Produk yang Layak” untuk Kempen ini ialah Produk Pinjaman/Pembiayaan Rumah.

“Notis Terdahulu” bermaksud notis daripada Bank berkenaan fakta tertentu atau keadaan tertentu, sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.

**2. Tempoh Kempen**

2.1 Kempen ini akan bermula pada **1 Jun 2019 dan berakhir pada 30 November 2019** (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”) atau tempoh lain yang sedemikian seperti yang akan ditentukan oleh Bank dengan Notis Terdahulu.

2.2 Bank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen, dengan memberi Notis Terdahulu.

**3. Kelayakan**

3.1. Kempen ini adalah terbuka kepada pelanggan senarai gaji Bank yang memenuhi semua kriteria kelayakan yang berikut:

- a) Seratus (100) pelanggan senarai gaji baharu dan sedia ada yang pertama, berdasarkan yang awal diutamakan di sepanjang Tempoh Kempen;
- b) Dipohon dan diserahkan untuk pembiayaan semula atau pembiayaan baharu harta kediaman siap dengan Bank di bawah nama masing-masing semasa Tempoh Kempen;
- c) Margin maksimum pembiayaan sehingga 90% ditambah Insurans Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTA) / Insurans Bertempoh Gadai Janji Bertahap (MLTA) tidak melebihi 5%;
- d) Amaun kemudahan minimum sebanyak RM250,000 dan ke atas, termasuk MRTA/MRTT/MLTA;
- e) Pembayaran pinjaman/pembiayaan oleh Bank tidak lewat dari 31 Mac 2020;

(Selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”)

3.2. Yang berikut adalah TIDAK layak untuk mengambil bahagian dalam atau tidak termasuk dalam Kempen ini:

- a) Pelanggan bukan individu seperti Pemilikan Tunggal, Perkongsian dan Syarikat Berhad, Organisasi Bukan Kerajaan, Persatuan dan Syarikat Amanah; atau
- b) Pembiayaan/Pembiayaan semula hartanah siap dengan amaun pembiayaan di bawah RM250,000; atau
- c) Hartanah di bawah pembinaan, pembangunan baharu dan/atau hartanah tidak siap; atau
- d) Kes lelongan daripada Bank.

#### **4. Tawaran Kempen**

- 4.1 Pelanggan yang Layak akan menikmati Perlindungan Isi Rumah percuma seperti yang dinyatakan di bawah, tertakluk pada terma dan syarat di sini:
- Satu (1) tahun Perlindungan Isi Rumah dengan jumlah diinsuranskan sebanyak RM30,000, bermula dari tarikh pembayaran pertama hingga seterusnya.
- 4.2 Perlindungan Isi Rumah adalah ditanggung oleh AmGeneral Insurance Berhad (No. Syarikat 44191-P). Anda dinasihatkan agar mendapatkan satu salinan Lembaran Pendedahan Produk (PDS) daripada Bank dan membaca serta memahami ringkasan produk ini sebelum anda bersetuju untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 4.3 Permohonan untuk pinjaman/pembiayaan rumah adalah selaras dengan proses semasa Bank dan tertakluk pada penilaian kredit dan keperluan dokumentasi Bank.

#### **5. Umum**

- 5.1. Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini kerana penyertaan dalam Kempen ini menunjukkan penerimaan anda kepada Terma dan Syarat ini.
- 5.2. Tawaran Kempen adalah tidak sah dengan lain-lain kempen oleh Bank. Oleh itu, tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 5.3. Bank berhak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan Notis Terdahulu tanpa memberi sebarang alasan.
- 5.4. Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang khusus dinyatakan di sini, secara keseluruhan atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen menurut yang difikirkan wajar, perlu dan sesuai dengan memberi Notis Terdahulu.
- 5.5. Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau di cawangan AmBank dan sebarang notis yang sedemikian hendaklah dianggap sebagai telah diberikan apabila dipaparkan di laman sesawang rasminya atau di cawangannya, yang mana lebih awal.
- 5.6. Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
- a) Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau bertindak menipu dalam apa-apa cara semasa proses kemasukan atau sepanjang Tempoh Kempen; atau
  - b) Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi untuk melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 5.7. Kecuali dengan jelas dinyatakan sebaliknya, Terma dan Syarat ini akan kekal terpakai mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/kempen/bahan periklanan lain untuk Kempen ini.

- 5.8. Keputusan Bank bagi semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
- 5.9. Dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian atau kerosakan, termasuklah tanpa had kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, turutan, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuklah pihak ketiga, walau bagaimana sekalipun timbul sama ada dalam kontrak, tort, kelalaian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung dengan Kempen atau Bank dalam melaksanakan haknya di bawah mana-mana Terma dan Syarat ini dan walaupun sekiranya Bank telah dinasihatkan lebih awal tentang kemungkinan berlakunya kerosakan yang seumpamanya, semua kerosakan yang sedemikian adalah dengan ini secara jelas dikecualikan.
- 5.10. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran berkaitan Kempen akibat sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah Bank.
- 5.11. Semua terma dan syarat yang ditetapkan di sini akan ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.
- 5.12. Pelanggan dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank untuk maklumat terkini Kempen melalui <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terbaharu, jika ada.